

ULASAN BUKU

***DASAR PEMBANGUNAN DAN POPULISME DI MALAYSIA* OLEH SITY
DAUD. BANGI: PENERBIT UKM, 2020, 207 HLM.**

ISBN: 9789674128845 ©Σ

ABDUL MUEIN ABADI *

Pergolakan geopolitik dan geoekonomi kontemporari telah memaksa negara sedang membangun di seluruh dunia - termasuk Malaysia - untuk menyemak kembali pendekatan pembangunan domestik pada skala yang lebih intensif berbanding di awal abad ke-21. Perang Rusia-Ukraine yang diikuti lonjakan harga komoditi di pasaran antarabangsa, pelanjutan Perang Perdagangan Amerika Syarikat-China yang diikuti pengaturcaraan semula rantaian bekalan global dan pola perdagangan antarabangsa, disusuli pula dengan ledakan arus perkembangan teknologi yang memberi kuasa dan suara yang lebih besar kepada rakyat teramai untuk sentiasa mengangkat kepentingan mereka dalam setiap dasar dan perencanaan negara telah menimbulkan satu dialektika yang cukup dinamik: bagaimanakah negara sedang membangun, khususnya Malaysia, boleh memaksimumkan peluang serta meminimumkan risiko persekitaran ketidaktentuan geopolitik dan geoekonomi global, sedang dalam masa yang sama memelihara kestabilan ekonomi politik domestik yang semakin dipengaruhi kemaraan ideologi populisme?

Persoalan mengenai dialektika peranan negara sebagai perencana dan pelaksana dasar pembangunan serta interaksinya dengan ideologi populisme ini merupakan fokus utama buku *Dasar Pembangunan dan Populisme di Malaysia* tulisan Sity Daud. Menerusi pemerhatian komprehensif ke atas pengalaman Jepun dan Korea Selatan, peranan negara secara khusus dalam pembangunan sektor ekonomi perindustrian telah dikenalpasti sebagai pemboleh Jepun dan Korea Selatan menjadi negara industri maju. Berdasarkan pengalaman kedua-dua negara tersebut, model negara pembangunan Malaysia telah diformulasi sebagai kerangka analisis bagi meneliti pelbagai dasar, strategi dan langkah-langkah pemerintah Malaysia dalam pembangunan di Malaysia bagi tempoh 1971 hingga 2017.

Kajian Sity ini menyumbang secara signifikan kepada literatur berkenaan negara pembangunan yang dikonsepsikan oleh Johnson (1982). Di sebalik beberapa persamaan dengan ciri-ciri negara pembangunan Jepun dan Korea Selatan, beberapa perbezaan dalam pengalaman Malaysia disebabkan pengalaman sejarah, sistem politik dan sistem

© The Author(s). 2024. Published by UKM Press on behalf of SPHEA, FSSH, UKM, and MAFDC. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution License (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>), which permits unrestricted reuse, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited.

Σ **Article Info:** Submission date: 23 December 2024; Acceptance date: 30 December 2024; Publication date: 31 December 2024.

* **First and Corresponding Author:** Abdul Muein Abadi adalah Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Malaysia. Email: muein@ukm.edu.my

masyarakat yang berbeza telah dibangunkan oleh Sity sebagai beberapa ciri khusus negara pembangunan Malaysia iaitu negara yang kuat, autonomi relatif, birokrasi yang cekap, campur tangan pemerintah yang mesra pasaran, agensi khusus, sistem pemegangan amanah, tindakan afirmatif dan dasar penerapan nilai-nilai Islam.

Sity menelusuri interaksi antara pengaruh geoekonomi antarabangsa dengan tekanan populisme dalam politik domestik yang membawa kepada manifestasi negara pembangunan berdasarkan model Jepun yang disesuaikan dengan keperluan ekonomi dan politik Malaysia mulai Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1971, Dasar Pandang ke Timur 1982, Dasar Penswastaaan 1983, Dasar Wawasan Negara, hinggalah ke Transformasi Nasional (TN50) era Najib Razak. Namun begitu, fokus Sity ke atas DEB sebagai dasar kejuruteraan sosial menerusi objektif serampang dua matanya untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat cukup kritikal dari satu lagi arus ideologi: populisme.

Huraian Sity berkenaan Populisme sebagai suatu ideologi memisahkan masyarakat ke dalam dua kelompok yang homogen dan antagonis, iaitu masyarakat yang murni dan elit yang korup, melengkapinya perspektif interaksi geoekonomi antarabangsa dengan negara dalam perencanaan ekonomi politik domestik Malaysia. Ideologi populisme berpendapat bahawa politik seharusnya menjadi ekspresi kehendak umum masyarakat, lantas menyemai kecurigaan dan permusuhan terhadap elit, politik arus perdana, serta institusi yang sedia wujud. Maka, indikator utama bagi keberhasilan dari pemerintahan Populisme adalah bagaimana dan sejauhmana kerajaan berjaya mensejahterakan rakyatnya. Buku ini memperlihatkan persaingan di antara golongan yang pro dan kontra terhadap Populisme, khususnya dalam memahami dasar pembangunan di Malaysia sejak 1970-an. Di satu pihak, golongan masyarakat memerlukan dasar pembangunan yang bersifat populis untuk kepentingan umum manakala di pihak lain terdapat golongan elit yang memanfaatkan peluang perniagaan yang diperolehi daripada hubungan baik dengan mereka yang berkuasa. Inilah antara dilema dalam dasar pembangunan di Malaysia di mana usaha untuk memperkasakan rakyatnya yang miskin telah dimanipulasi oleh golongan elit berkuasa yang berkepentingan. Maka, tidak menghairankan apabila DEB menjadi sasaran kritik terhadap negara apabila DEB dan dasar selepasnya dikatakan membuka peluang untuk amalan kronisme dan nepotisme dalam mencapai objektifnya (Alatas 1999, Gomez & Jomo 1999). Dasar pembangunan yang sepatutnya menyasarkan pembangunan fizikal dan pembinaan keupayaan masyarakat bawahan telah menguntungkan segelintir kelompok elit yang memperjuangkan fahaman populis untuk kepentingan ekonomi dan politik masing-masing.

Skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) melibatkan bekas Perdana Menteri Najib Razak merupakan implikasi terbesar dalam isu populisme dan negara pembangunan di Malaysia; berbeza dengan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (*government-linked investment companies* GLICs) seperti Khazanah Nasional, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Persaraan (KWP), Lembaga Tabung Haji, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), dan Kementerian Kewangan Diperbadankan (MoF Inc.), 1MDB ditubuhkan dengan pinjaman bond asing yang cukup besar, dengan sebahagian dana jaminan kerajaan serta pinjamannya digunakan untuk tanggungjawab sosial (yang jelas selari dengan tuntutan populisme), sedang sebahagian besar dana tersebut pula digunakan bagi kepentingan elit politik menerusi sistem perbankan domestik dan kewangan pesisir luar negara (*offshore financial services*) (Abadi 2021, Abadi 2022, Gomez et al 2017).

Di sebalik kelemahan-kelemahan campur tangan negara dalam ekonomi yang terus

menjadi sasaran pengkritik (Gomez & Jomo 1999; Gomez et al 2017), termasuklah daripada fahaman populisme, pengarang buku ini berhujah bahawa negara pembangunan masih relevan dalam era globalisasi khususnya bagi pertumbuhan dan pembangunan negara sedang membangun seperti Malaysia. Hakikatnya, dengan sumber, teknologi, modal, dan kuasa yang terhad, Malaysia memerlukan konsolidasi negara kuat dengan birokrat yang cekap bagi memaksimumkan peluang serta meminimumkan risiko persekitaran ketidaktentuan geopolitik dan geoekonomi global (Abadi 2019). Walau bagaimanapun, kaveat tetap diletakkan di mana usaha negara pembangunan dalam merangsang pertumbuhan, mengagihkan kekayaan negara dan dalam menangani ketegangan hubungan masyarakat berbilang kaum dinyatakan secara eksplisit sebagai berpotensi besar untuk dicemari oleh kelemahan pentadbiran dan salah guna kuasa, mengulangi peringatan Syed Hussein Alatas (1970) dan Syed Farid Alatas (1999).

Dasar Pembangunan dan Populisme di Malaysia ini berupaya untuk memenuhi keperluan ahli akademik dengan baik dalam memahami latar interaksi geopolitik dan geoekonomi antarabangsa dengan populisme lokal dalam proses pembuatan keputusan ekonomi politik Malaysia. Ia juga adalah buku rujukan yang baik bagi para pembuat dasar dan sektor korporat. Disebabkan skop buku ini yang terhad hingga tahun 2017 iaitu sebelum berakhirnya era parti dominan Barisan Nasional di Malaysia, maka ia cukup berharga sebagai rujukan untuk kajian perbandingan pada masa hadapan tentang perkembangan interaksi antara pemerintah Malaysia kontemporari dengan ketidakstabilan geopolitik dan geoekonomi pada satu sisi, dan interaksi antara pemerintah Malaysia dengan tekanan populisme domestik pada sisi yang lain, dengan formulasi dasar pembangunan yang terhasil susulan interaksi empat hala tersebut.

Penghargaan dan Pengisytiharan

Penulis merakamkan penghargaan kepada para penilai tanpa nama (anonymus reviewers) kerana kesudian penilaian serta cadangan penambahbaikan kualiti manuskrip. Tiada potensi konflik berkepentingan sepanjang proses penerbitan.

Rujukan

- Abadi, Abdul Muein. 2022. "Kleptocracy and Foreign Loan Decision-Making Process: Insights from Malaysia's Deals and Renegotiations with China." *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 41(1): 135–158. <https://doi.org/10.1177/18681034211058470>.
- Abadi, Abdul Muein. 2021. "Kleptocracy, Strategic Corruption, and Defence Policymaking: The Impact of Najib Razak's IMDB Scandal on Malaysia's Defense Relationship with China (2015–2017)." *Contemporary Politics* 27(5): 508–527. <https://doi.org/10.1080/13569775.2021.1917163>.
- Abadi, Abdul Muein. 2019. "Connecting Malaysia and China: From the Past to the Future." In *Connecting Oceans Volume 1: Malaysia as a Maritime Nation*, edited by Hans-Dieter Evers, Abdul Rahman Embong, and Rashila Ramli. Bangi: UKM Press.
- Alatas, Syed Farid. 1999. "Peranan Negara dan Pembangunan: Ke Arah Sebuah Teori

- Negara Kleptokratis." *Akademika* 54(1).
- Alatas, Syed Hussein. 1970. *The Sociology of Corruption: The Nature, Function, Causes and Prevention of Corruption*. Singapore: D. Moore Press.
- Gomez, Edmund Terence, and Jomo Kwame Sundaram. 1999. *Malaysia's Political Economy: Politics, Patronage and Profits*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Gomez, Edmund Terence, Thirshalar Padmanabhan, Norfaryanti Kamaruddin, Sunil Bhalla, and Fikri Fisal. 2017. *Minister of Finance Incorporated: Ownership and Control of Corporate Malaysia*. Petaling Jaya: SIRD.
- Johnson, Chalmers. 1982. *MITI and the Japanese Miracle: The Growth of Industrial Policy, 1925–1975*. Stanford: Stanford University Press.